



TIBBIans

“BEYOND THE HORIZON OF JUST HEALING”

PRODUKSI BADAN KEBAJIKAN PELAJAR-PELAJAR PERUBATAN MALAYSIA-MESIR

PERCUMA

UNTUK AHLI SAHAJA

BIL 6

SAFAR 1426/MAC 2005

SIDANG EDITORIAL

Penasihat:

AHMAD BAIHAQI AZRAII

Editor:

AHMAD SHUIB YAHAYA

Pengarang:

HAZWANI JOHARI

Penyumbang:

FAUWAZ FADZIL NOOR

SITI HAJAR ISMAIL

AHMAD HAIKAL IDRIS

ABDUL FATAH JAAFAR

Terbitan:

PERUBATAN,
Kaherah, Mesir.

Pihak Editorial mengalu-alukan sebarang sumbangan dalam apa jua bentuk. Sumbangan penulisan akan diteliti dan pihak editorial berhak mengubahsuai hasil penulisan tersebut selagi tidak meminda isi dan idea utama. Segala penulisan samada dari kolumnis atau sumbangan tidak melambangkan pendirian dan identiti PERUBATAN serta terdedah kepada komen, kritikan dan seumpamanya dengan syarat disempurnakan secara profesional dan mematuhi prinsip-prinsip ilmiah. Sumbangan penulisan hendaklah disertai dengan identiti pengirim serta e-mail sebagai tanda pertanggungjawaban terhadap hasil penulisan. Rujukan/sumber adaptasi seeloknya dinyatakan. Sebarang komen membina, idea, pertanyaan, artikel atau sumbangan sila emailkan ke:

tibbians@lycos.com

laman web:

<http://members.tripod.com/tibbians>

MUTIARA

*Tidak akan dapat mengecapi
kemanisan Akhīrat, sesiapa
yang suka dirinya dikenali
ramai (popular)...*

(Basyar al-Hafi)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani
In The Name Of Allah, Most Gracious, Most Merciful

WAWANCARA BERSAMA DR. NASRI - Muka 4 & 5
SIAPAKAH "ABG NASRI" ?? -Muka 12



LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KAHERAH, 19 MAC

2005- Sejurus sebelum tengah malam, Dr. Muhammad Nasri Abu Bakar telah masuk ke ruang check-in untuk pulang ke tanah air.

Seramai 25 adik-adik beliau (pelajar perubatan) telah berkumpul bagi mengucapkan selamat jalan pada malam itu.

Mesej SMS telah diterima mengatakan bahawa beliau telah selamat tiba ke rumah. Selamat memulakan alam baru di Malaysia, semoga kita berjumpa lagi...

SALAM PERPISAHAN BUAT SEMPAI...

‘Kalau tak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya’. Alhamdulillah, hari ini Dr. Muhammad Nasri Abu Bakar telah pun menikmati ‘sagunya’ hasil daripada 6 tahun penat lelah. Bersempena dengan tamat pengajiannya, satu majlis wida’ telah diadakan pada 25 Februari lalu di Asrama Darul Ridzwan.
...Lagi berita di Muka 2

MAJLIS PERPISAHAN DR. NASRI, PELANCARAN THAQAFAH ONLINE & PEMBENTANGAN PERLEMBAGAAN PERUBATAN

Oleh: Hazwani Johari

Bermula pada pukul 2.30 petang, majlis dimulakan dengan kata alu-aluan dari Pengerusi Majlis Sdr Ahmad Syazwan Ahmad Nordin. Sesudah itu, para hadirin diperdengarkan dengan bacaan suci Al Quran oleh Sdr Nik Abdullah Afif Nik Mohamed. Kita sangat bertuah apabila berpeluang mendengar bacaan Imam Warsh. Berikutnya Sdr Ahmad Muhaimin Mustapha menyusul bertindak selaku wakil pelajar perubatan Mesir menyampaikan ucapan perpisahan. Menurutnya Sdr Nasri atau lebih dikenali sbg Abg Nasri adalah seorang yang sangat mengambil berat tentang orang lain dan gemar sekali mengunjungi pasar Sayyidah Zainab. Majlis disusuli dengan acara yang dinanti-nantikan penyampaian amanat terakhir oleh 'Abang Nasri' buat adik-adiknya. Seperti biasa beliau tidak lokek berkongsi petua dan rahsia kejayaannya. Usaha yang gigih ditekankan sebagai jalan utama dalam mencapai matlamat.

Kemudian, Pengerusi PERUBATAN, Sdr Ahmad Baihaqi Azraii menyampaikan cenderamata kenang kenangan buat Dr. Nasri. Majlis wida' ini diserikan lagi dengan penyampaian sajak bertajuk 'Perginya Seorang Sahabat' oleh Sdr Akmal Huzaifah Mohd Isa. Berlatarbelakangkan lagu tema 'Final Fantasy', puisi ini diakhiri dengan kalimah 'Sempai' yang bermakna 'senior' dalam bahasa Jepun. Majlis Wida' ditutup dengan solat Asar dan jamuan makan.

Selepas Asar, majlis disambung dengan pelancaran Program Thaqafah Online yang dipengerusikan oleh Ketua Biro Pendidikan, Sdr Ahmad Shuib Yahaya. Program yang berlangsung setiap malam Rabu ini bertujuan meningkatkan thaqafah pelajar-pelajar perubatan seluruh dunia di samping mengeratkan lagi ukhuwah sesama kita. Program telah dilancarkan dengan rasminya oleh Sdr Ahmad Baihaqi. Beliau dalam ucapan perasmiannya menegaskan bahawa ini merupakan satu kelebihan buat penuntut-penuntut fakulti perubatan Mesir dan peluang ini seharusnya direbut oleh setiap individu.

Agenda terakhir merupakan pembentangan & perbincangan perlembagaan rasmi PERUBATAN. Setiausaha PERUBATAN, Sdr Mohd Hamdan Saparwan telah mengendalikan sesi perbincangan. Perbincangan walau bagaimanapun agak hambar kerana kebanyakan ahli belum lagi membaca perlembagaan tersebut sebelum ini. Alhamdulillah, walaupun tidak dapat membentuk perlembagaan rasmi, beberapa persepakatan telah dicapai. Antaranya menaikkan yuran ahli kepada LE 20 setahun. Majoriti ahli bersetuju untuk menundakan pembentangan perlembagaan pada Mesyuarat Agung yang akan datang. Majlis tamat pada jam 5.45 petang.

CERAMAH MOTIVASI & SOLAT HAJAT

Unit Pendidikan Badan Kebajikan Pelajar-pelajar Perubatan Malaysia-Mesir (PERUBATAN) akan menganjurkan satu program khas sempena peperiksaan akhir tahun 2005 yang bakal menjelang.

Tarikh: 1 April 2005 (Jumaat)

Tempat: Dewan Malaysia Abbasia Kaherah (DMAK)

Atucara:

4.00 petang : Alu-aluan & Amanat dari Pengerusi PERUBATAN
4.15 petang : Ceramah motivasi oleh Prof. Dato' Dr. Mansor Isa (Pengarah DMS)
5.30 petang : Jamuan Makan Malam
6.00 petang : Solat Maghrib, Bacaan Yasin & Solat Hajat berjemaah

Bayaran Makan: LE 5.00

Sama-sama kita berusaha menjayakan program ini dan memohon agar mendapat keberkatan serta pertolongan Allah dalam segala usaha kita.

STAY AWAY FROM DEPRESSION

Submitted by: Siti Hajar Ismail

In 1973, World Health Organization reported that 3% of world population was afflicted with depressions. This figure increased dramatically and in 1978 the figure was up to 5%. Besides that some studies have shown that one out of every four Americans suffers from depressions. During the conference of Mental Disorders that was held in Chicago in 1981, the Chairman of the conference announced that 100 000 000 people of the world suffer from depressions what might come as a surprise is that most of them were from developed countries.

" See they not that they are tried once or twice every year? "(Quran 9:126)

Depression does not distinguish between people from West or East or between rich and poor. It is a malady that attacks all kind of people and may lead to suicide in certain cases. The danger is not restricted to adults, even the fetus in the womb is at risk for a depressed mother can turn to abortion as means of escaping from her problems.

However depression does stay aloof from a believer " And whosoever fear Allah and keeps his duty to Him, He will make his matter easy for him." (Quran 65:4)

This is because when something unpleasant happen to him, he remember the other blessings of Allah on him in his religion and worldly life. He realises how abundant are the blessings of Allah on him and how insignificant are the troubles that befell on him.

One of useful ways to drive away from depression is to train ourselves not desire gratitude from anyone except Allah. Know that what people do to hurt us especially slander and other evil talk will not hurt us. The only way it will hurt us is when we occupy ourselves with grieving over it.

Another way that make life easy for us, is to follow a natural path in our efforts to do righteous and excellent activities. Also, avoid constraining ourselves to follow unnatural path that will fill our heart with worries and anxieties. It is also important to accomplish our work on time, so that the future will be free for us. If we do not finish our present activities at once the other will come and pile themselves up on us.

When undertaking useful things we should rank them in order of priority and importance. Find out the one which we have a stronger urge and desire more to do. Seek help in good thinking and a good council. It was said that the one who seeks good council never regrets. Study what we intend to do carefully and thoroughly, when we resolve to do it then rely on Allah and know that Allah loves those who rely on Him.

Know that " A real life is the life that we live in happiness and tranquility and it is very short indeed. Therefore don't let depressions and moaning over troubles make it shorter!!"

"And do not throw yourselves into destruction...."(Quran 2:195)

" And whoever puts his trust on Allah, sufficient is (Allah) for him." (Attalaq :3)

Allahu a'lam.

HADITH NABAWI SYAREEF

وعن الأعمش، قال : قال رسول الله(ص) : آفة العلم النسيان، وإضاعته أن تحدث به غير أهله.
رواه الدارمي مرسلًا.

Dan Daripada Al-A'mash berkata: Telah berkata Rasulullah(SAW) : Penyakit ilmu itu Lupa; Dan pensia-siaan adalah dengan menceritakannya (menyampaikan) kepada yang bukan ahlinya.

'INTRODUCTION'

Genap seminggu selepas Majlis Perisahan Dr. Nasri iaitu pada 4.3.2005, satu program khas untuk mahasiswa tahun satu perubatan telah diadakan di Rumah Negeri Melaka. Program anjuran PERUBATAN yang dinamakan 'Introduction' ini bertujuan membentuk pemikiran dan pemahaman yang jelas tentang Islam di samping memberi pendedahan kepada peserta akan kelebihan yang terbentang luas di Mesir yang perlu dikaut sementara masih di sini. Program ini antara lain berhasrat mengumpulkan semua pelajar tahun satu daripada 3 buah universiti; Al Azhar, Kaherah dan 'Ain Shams dan hasrat ini terlaksana dengan kehadiran hampir mencapai seratus-peratus. Tiga slot telah disusun, bermula dengan Diskusi Kitab bertajuk 'Apa Makna Saya Seorang Muslim', diikuti dengan sembang petang bertajuk 'Perubatan di Mesir, Satu Penilaian' dan diakhiri pembentangan kertas kerja bertajuk 'Konsep Syahadah'.

Majlis telah dirasmikan oleh Setiausaha Perubatan, Mohd Hamdan Saparwan, mewakili Pengerusi PERUBATAN. Sesi kedua program ini akan menyusul dalam tempoh yang terdekat dengan pengisian yang telah dirancang. Diharapkan sambutan peserta akan lebih meningkat pada sesi seterusnya dan pertalian antara kita akan bertambah erat. Segala kekurangan program harap dapat diterima oleh semua.

Disediakan oleh,
Mohd Husmar Israq Husin (pengarah program)

WAWANCARA EKSklusIF BERSAMA DR. NASRI

Pada 18 Mac 2005, sehari sebelum kepulangan Dr. Nasri ke tanah air, editor TIBBians berkesempatan mewawancara beliau. Sesi wawancara kebanyakannya dalam suasana agak pilu walaupun seperti biasa, Dr. Nasri yang lebih senang dipanggil Abg. Nasri tetap menampakkan sifatnya yang ceria.

TIBBians: *Bagaimanakah pandangan Abg Nasri secara umum tentang pengajian di Mesir sebelum datang ke sini? Dan bagaimana boleh terfikir untuk melanjutkan pengajian di sini?*

Dr. Nasri: Mengenai pengajian perubatan di sini, sebenarnya ana tiada maklumat apa-apa terutama dari senior-senior di Mesir. Ana hanya mendengar dari Ustaz-ustaz yang pulang dari Mesir mengatakan ada pelajar-pelajar perubatan tajaan JPA di Mesir. Sebenarnya memang program kerajaan negeri Kelantan menawarkan peluang tajaan pengajian perubatan ke Mesir memandangkan kami merupakan batch pertama aliran sains dari sekolah agama negeri. Alhamdulillah, ana seorang sahaja mendapat tawaran; yang lain ada yang dapat bidang farmasi & pergigian, tetapi tidak terima, jadi ana seorang sahajalah yang sampai ke sini.

TIBBians: *Apakah impresi pertama (first impression) Abg Nasri setibanya di Mesir?*

Dr. Nasri: Ana disambut oleh seorang rakan sekampung, dan seorang ustaz juga dari Kelantan. Melihatkan suasana Mesir pada mulanya, sudah pastilah, mesti terkejut; semua pun faham keadaan Mesir ni. Di fakulti pula, hari pertama ke Kasrul Aini, ana mengikut senior ke hospital. Pelajar-pelajar, ada yang berdiri atas kerusi melihat pesakit, jadi amat terkejutlah. 1 Disember, secara rasmi ana masuk ke kuliah pengajian tahun satu. Masuk kuliah tu pun, terkejut juga, apa pun tak faham. Rasa nak menangis pun ada. Rakan-rakan Mesir bertanya 'ismak eh' pun ana tak faham, kerana tiada pendedahan langsung tentang lajhah Ammiyah.

TIBBians: *Bagaimana Abg. Nasri menyesuaikan diri dengan pengajian di Mesir?*

Dr. Nasri: Untuk faham lecture, ana pun tak ingat bila ana dapat sesuaikan diri, tetapi rasanya tahun pertama, memang kebanyakannya tak fahamlah. Tetapi atas nasihat dan dorongan abang-abang senior, mereka nasihatkan supaya hadir kuliah, walaupun tak faham. Jadi, kuncinya hadirilah kuliah.

TIBBians: *Sebelum atau ketika berada di Mesir, adakah apa-apa hadaf atau matlamat utama yang nak dicapai di bumi Mesir ini?*

Dr. Nasri: Pada awalnya, memang blur, tak nampak matlamat selain menamatkan pengajian. Kemudian, melihatkan abang-abang serumah, ada juga matlamat untuk mencari sedikit sebanyak ilmu aqama. Tetapi, biasalah, bukan semua yang di'target' tu tercapai.

Dan kadangkala rasa kesal juga kerana rasa banyak lagi tak belajar, makin lama belajar, rasa makin jahil. Tapi, Alhamdulillah, berbanding sebelum datang ke Mesir ni, dapat juga menimba sedikit sebanyak, belajar Al-Quran dan juga tafaquh ilmu-ilmu lain. Kalau hadaf kahwin tu tak kesampaian (sambil tertawa), kerana memang Mak dah pesan supaya tamatkan dulu pengajian.

TIBBIans: *Abg Nasri nampaknya menjadi seperti penghubung, antara generasi dahulu, dengan generasi yang baru sekarang. Menurut pemerhatian Abg Nasri, apakah perbezaan antara generasi abang-abang dulu dengan adik-adik sekarang?*

Dr. Nasri: Bezanya banyak sebenarnya. Pertamanya, beza antara batch yang campur lelaki perempuan dan batch yang ada lelaki sahaja. Batch yang campur ni, mereka nampak lebih semangat belajar dan lebih kompetitif dengan perasaan ego dan sebagainya yang menaikkan semangat belajar itu. Kemudian, abang-abang kakak-kakak senior dulu sangat rajin dan komited dalam pelajaran. Sebagai contoh, ada seorang abang tanpa perlu sebut namalah, hidupnya, ke kuliah, kemudian study, malam bangun tahajjud, kemudian study, lepas subuh study dan ke kuliah. Begitulah setiap hari kecuali sehari seminggu dia memasak. Mereka datang ke sini, memang nampak hanya untuk menamatkan pengajian dengan cemerlang.

Memang jelas dari segi susunan hidup untuk pelajaran, abang-abang dulu jauh lebih mantap. Tetapi adik-adik sekarang bagus juga dari satu segi. Mereka dapat juga mengambil faedah-faedah lain, belajar ilmu agama dan sebagainya di samping pengajian perubatan. Perbezaan lain, zaman dulu tiada NARUTO, kurang hiburan, walaupun mereka tetap main StarCraft, chat di IRC tetapi pelajaran tetap menjadi perkara utama. Kesimpulannya, perkara lagho tu kurang berbanding sekarang.

TIBBIans: *Apakah kenangan paling manis dan paling pahit sepanjang berada di Mesir ni?*

Dr. Nasri: Kenangan manis, Mesir ni selalu menjadi tempat pertemuan kawan-kawan lama. Kawan sekolah, sekampung, kawan sekolah rendah pun ada. Dalam pengajian pula, peristiwa manis tu tak tahu nak dikongsi dengan siapa, sebab tiada rakan seangkatan, jadi seronok sorang. Tetapi yang banyaknya, kenangan pahit (tergelak). Keputusan tahun akhir pula bercampur baur, antara manis dan sedih kerana nak tinggalkan Mesir.

Kenangan pahit pula adalah perpisahan. Terutama ketika tahun 4, berpisah dengan abang-abang serumah, rasa tertekan juga, tiada tempat bertanya, kemudian kita yang jadi senior. Seterusnya, yang sedih juga adalah untuk balik esok....

TIBBIans: *Sebut pasal balik, apakah rancangan jangka pendek dan panjang setelah pulang?*

Dr. Nasri: Kahwin, mungkin tangguh dulu. Dalam masa terdekat ni, nak persiapkan mental untuk menghadapi HO. Orang kata senjata utama adalah kesabaran dan keyakinan, Arab kata *الثقة بالنفس*. Kemudian nak cari kerja, kalau boleh nak dekat-dekat rumah, sebab nak jaga Mak. Jangka masa panjang, kalau ada rezeki nak lanjutkan pengajian, berminat ke bidang surgery. Kemudian, menyediakan diri untuk akhirat. Seterusnya mengenai kerjaya, terpulang pada keadaan lepas-lepas ni, banyak faktor nak ditimbang, faktor isteri, keluarga dan sebagainya.

TIBBIans: *Soalan yang terakhir, apakah pesanan dan nasihat wasiat kepada adik-adik?*

Dr. Nasri: Dah banyak diberi nasihat, tapi tak mengapa; Cuma ana bukanlah lebih baik dari adik-adik bila memberi nasihat. Pertamanya, ingatlah tujuan utama datang ke sini, untuk pengajian perubatan. Tujuan peribadi yang lain, itu hak masing-masing, cuma tumpukanlah pada perubatan sebab di sinilah sahaja tempat kita nak belajar. Jangan segan untuk belajar dan bertanya kepada doktor-doktor. Ambil kesempatan sepenuhnya berada di Mesir, terutamanya ketika klinikal.

Kemudian, untuk kehidupan di Mesir pula, HATI-HATIlah dengan 'lagho' di sini yang amat banyak. Perkara-perkara ni banyak membuang masa kita, dan sesudah lepas, baru kita rasa kerugian akan masa-masa yang terbuang tu. Banyak benda yang patut kita buat, tidak kita buat.

TIBBIans: *Akhirnya mungkin ucapan terakhir dari Abg. Nasri?*

Dr. Nasri: Yang utamanya, mohon maafah kepada semua secara umum dan terima kasih atas pertolongan dan bantuan selama ini terutama kepada yang selalu ziarah menceriakan suasana. Kemudian, bila dah ramai ni, ana harap sangat supaya dapat bersatu padu. Ikutilah program persatuan, dan sokonglah segala aktiviti yang dibuat. Inilah sahaja peluang nak kenal-kenal bermesra. Kalau tak hargai, balik ke Malaysia, dah tak dapat peluang sebegini.

الطبيب النبوي (Perubatan Nabi)-siri 5

Ust.Hj Abdul Fatah Hj Jaafar
Tahun 4, Kuliyyah Usuluddin
Jabatan Dakwah & Tha'qofah Islamiyyah
Universiti Al-Azhar, Kaheerah
aqiqnilam_01@yahoo.com

YANG PERTAMA DAN UTAMA

Puja dan puji yang hanya layak diungkapkan buat yang selayaknya Rabbul Izzati penguasa seluruh alam di langit dan juga di bumi.

Salam kecintaan tidak berbelah bagi buat kekasih sejati Rasulullah SAW yang mengeluarkan manusia daripada 'zulumat'kejahilan kepada Nur Islam.

Dalam memulakan sesuatu perkara biasanya peringkat permulaan itulah menjadi titik penentuan sama ada kerja yang bakal dilakukan berkualiti atau tidak.

Lantaran itulah,Islam sebagai satu agama yang begitu sempurna lagi kompleks amat-amat menekankan soal ini.Justeru,permulaan yang baik biasanya akan menghasilkan natijah yang baik juga,begitulah jika sebaliknya.

Maka,Islam adalah satu-satu cara hidup yang amat menekankan persoalan niat dalam setiap gerak kerja penganutnya.Kita akan saksikan sendiri hampir kesemua amalan ibadat memerlukan niat seumpama puasa, solat, haji dan pelbagai lagi.Jika kita telusuri kitab-kitab yang dikarang oleh ulama Islam khususnya dalam bidang hadis maka kita akan dapati sebilangan besar kitab hadis seperti Soheh Bukhori,Soheh Muslim,Arbain An-Nawawiyah dan banyak lagi akan dimulakan dengan bab niat.

Hal ini sudah cukup menggambarkan kepada kita betapa Islam amat-amat menekankan kualiti dalam setiap kerjabuat kita, bahkan dimulai dengan niat (iaitu suatu yang tidak dapat dinilai dengan (pancaindera). Bahkan terdapat hadis yang mengungkapkan seperti berikut : "Tidak dikira sesuatu amalan itu jika tidak ada niat padanya".Jelasnya apa yang paling utama di sini ialah persoalan niat,niat yang bagaimana? Tentunya niat yang dikehendaki adalah niat yang 'solid' ikhlas kepada Allah SWT.

Sebagai pengamal perubatan Islam yang tetap konsisten dengan keislamannya tentunya tidak boleh memandangkan enteng persoalan niat dan ikhlas dalam amalan ini.Jika kita bertafakkur sebentar,membuat muhasabah kepada setiap amalan alangkah terkejutnya kita bila kita akan menemui betapa cuainya diri dalam hal menjaga niat dan keikhlasan diri dalam setiap tindak-tanduk kita! Cuba bayangkan kita umat akhir zaman yang begitu singkat umurnya ini terdedah pula dengan kelalaian diri dalam setiap amal tentunya merugikan diri sendiri yang amalnya tidak seberapa ini!

Bagaimanakah nanti kita akan mengadap di hadapan Allah SWT dalam keadaan amalan yang entah ke mana?

Rentetan itulah banyaknya ayat-ayat Al-Quran yang menekankan hal niat ini seumpama ayat 4 hingga 6 daripada Surah Al-Maa'uun :

"Maka celakalah bagi orang-orang yang mendirikan solat,iaitu yang mendirikan dengan lalai,juga orang yang riak dalam amalannya"

Jika kita menghalusi maksud yang tersurat dan lebih-lebih lagi yang tersirat daripada ayat di atas kita akan menemui satu kesimpulan yang cukup mudah dan menarik.Dalam ayat diatas Allah SWT mencela orang-orang yang tidak punyai niat ikhlas dalam amal ibadat,bagaimana pula dengan amal yang dikira sebagai perbuatan keduniaan? Jika solat yang dikira amal perbuatan akhirat pun ditolak oleh Allah SWT apatah lagi amal dunia seperti bekerja,belajar dan apa-apa sahaja amal yang dianggap sebagai kerja-kerja dunia.


Secara ringkasnya ia semua boleh disimpulkan begini,jika amalan yang dikerjakan itu tidak ikhlas walaupun nampak zahirnya ia adalah amalan yang berbentuk keakhiratan seperti solat,puasa,haji dan pelbagai amalan lagi akan ditolak oleh Allah SWT jika semua itu dilakukan bukan kerana Allah sebaliknya kerana yang lain seumpama dengan niat hendak menunjuk-menunjuk yang kita ini orang soleh,kuat beribadat atau barangkali kerana malu dengan teman-teman dan yang selain kita buat itu kerana Allah.

Sebaliknya jika kita melakukan amalan walupun pada mata kasar manusia menilai amalan itu sebagai kerja-kerja keduniaan namun bilamana ia dilakukan dengan permulaan niat yang baik lagi ikhlas,maka pastinya amalan itu sangat berkualiti disisi Allah SWT dan akan diberikan ganjaran pahala yang setimpal nanti.Maka terserah kepada dirilah untuk membuat pilihan yang terbaik.Jadilah manusia yang bijak beramal iaitu yang memastikan seluruh perbuatannya seharian digolongkan dalam amal ibadat sama ada kerja itu yang berkaitan dengan hal ehwal keakhiratan atau keduniaan.

Jadikanlah hari ini lebih baik dari hari semalam,hari esok lebih baik dari hari ini dan hari-hari seterusnya lebih baik daripada hari-hari sebelumnya.

HIDUPKU DAN MATIKU HANYA KERANAMU (siri akhir)

hasil naqal : hanglekiu (lekiu_kal@yahoo.com)
sumber adaptasi: ---HUDA SOID---[weblog]



Peluru bersimpang- siur. Tentera Yahudi ramai yang rebah, tumbang satu persatu. Sementara tentera Islam mara ke hadapan dengan gagahnya. Namun dalam kegawatan itu, Amir tidak sedar dirinya diteropong tentera musuh. Haikal cuba menjerit, memberi amaran. Tetapi jeritan Haikal tenggelam. Tenggelam dalam hingar-bingar peperangan.

Bang! Tubuh Amir dirobek peluru. Badannya rebah, mencium bumi. Darah merah dan pekat mengalir, membasahi tanah Palestin. Haikal tidak sanggup melihat peristiwa itu. Jalan harus dicari. Di sana Amir sedang bertarung dengan maut. Amir harus diselamatkan. Dalam kepayahan, Haikal mendapatkan Amir. Langkah diatur berhati-hati. Silap langkah badannya pula yang akan ditembusi peluru. Kepala Amir dipangkunya. Sahabatnya itu menahan perit kesakitan yang dahsyat.

"Haikal.." kedengaran suara itu bergetar lemah. Amir mencari keupayaan menutur bicara.

"Sampaikan salam kepada keluargaku. Aku rasa· aku rasa perjuanganku setakat ini sahaja. Arghhh..tapi kau harus berjanji berjanji, Haikal jihad ini perlu diteruskan." Amir cuba menguntum seulas senyuman dalam kelat kepahitan. Kalimah syahadah ditutur lemah. Dan Amir syahid dalam hidupnya. Syahid di pangkuan teman sepermainannya dulu, Haikal. Kolam mata Haikal berkaca. Ditahan air mata itu daripada tumpah. Namun air mata itu laju menuruni birat matanya. Pantas manik-manik jernih itu diseka. Dia bingkas bangkit. Bumi Palestin menjadi saksi, Haikal berjuang bermati-matian. Dia mara ke hadapan seperti asad yang garang.

Satu demi satu kejayaan diraih ummat Islam. Dan satu demi satu daerah Palestin jatuh ke tangan muslimin. Masjidil Aqsa dan Qubbatussakhra kembali kepada fitrahnya, kembali menjadi milik ummat Islam. Benarlah kata-kata Tuhan dalam kalamullah yang Agung, sesungguhnya pertolongan Allah akan sentiasa bersama-sama hambaNya yang taat.

Solat zuhur petang itu terasa kelainan. Apatah lagi solat empat rakaat itu didirikan secara berjemaah di Masjidil Aqsa. Solat yang ganjarannya 500 kali ganda. Kelihatan Haikal berteleku di sejadah yang lusuh. Doanya berentet panjang. Kepada Amir didoakan kesejahteraan dan ketenangan. Semoga temannya itu menjadi tetamu di Syurga Firdausi yang indah. Tidak Haikal menjangka Amir pergi dulu menemui Ilahi sebelum dirinya. Namun dia bangga, sahabatnya bergelar syuhada·

Jihad perlu diteruskan. Selagi seluruh bumi Palestin tidak ditawan, perjuangan ini tidak akan ternoktah. Tentera Yahudi seperti Irgun, Levi dan Haganot perlu ditumpaskan. Tentera Islam mula bergerak cergas ke Tel Aviv. Tetapi berita yang baru diterima di pinggir Tel Aviv memeranjatkan semua.

Raja Faruq memerintahkan mereka pulang, kembali ke bumi Mesir. Haikal terkesima. Konspirasi jahat apakah ini? Tatkala tentera muslimin di gerbang kegemilangan, mereka disuruh berundur. Pakatan apakah ini? Namun mereka tiada kuasa dan pilihan. Terpaksa akur dengan arahan yang diterima. Kaki terasa seolah-olah berat meninggalkan bumi Quds yang tercinta.

Sekembalinya di Mesir, sekali lagi tentera muslimin terkejut. Layanan yang diterima sungguh menyedihkan. Mereka dihumban ke penjara yang gelap tanpa belas kasihan. Dan yang paling mengemparkan berita kematian Hassan Al-Banna. Beliau ditembak oleh seseorang yang tidak dikenali. Immanuel jihad yang dikejarkan ke Hospital Qasrul Aini itu ditinggalkan tanpa rawatan sehinggalah beliau menghembuskan nafas yang terakhir. Malahan Ikhwanul Muslimin diharamkan dan dibubarkan. Sempurna sungguh sandiwara politik yang dimainkan oleh Raja Faruq.

Bangsat! Haikal mengetap bibir, menahan marah. Marah dengan pemerintahan Mesir yang mengikut telunjuk Amerika Syarikat, Perancis dan Britain. Besi itu dipegangnya. Haikal memberontak. Dia ingin keluar dari situ. Dia tidak suka tubuhnya dibelenggu dan dikurung. Bukan itu kehendaknya. Biar dirinya berada di Palestin, menggempur tentera Yahudi. Pandangan matanya berbalam. Dia kini di sangkar penjara yang gelap dan kotor bersama sebilangan besar tentera muslimin yang lain. Sungguh tidak diduga, begini kesudahannya. Namun Haikal tidak pernah menyesal. Sudah fitrah perjuangan, dipenuhi ranjau dan duri.

"Tergempar! Tergempar! Ummat Islam Palestin dihalau keluar. Bangsa Yahudi mahukan penubuhan sebuah negara di bumi Palestin yang dinamakan Israel. Malahan usul itu dipersetujui kerajaan Britain.", Zaid menyampaikan berita yang baru diterimanya tadi.

Haikal terdiam. Peristiwa Deklarasi Balfour berulang kembali. Ummat Islam Palestin menjadi pelarian di tanah air sendiri. Hatinya geram. Otaknya berserabut. Yahudi benar-benar melampau. Haikal menyumpah dalam hati.

Suasana yang hening menjadi kalam kabut. Kelihatan ummat Islam Mesir membantah keputusan yang diputuskan oleh hakim. Keputusan hakim Yahudi itu nyata tidak adil. Haikal tetap tenang. Zikrullah makin deras. Dia dan beberapa ummat Islam yang lain bakal dihadapkan ke taligantung. Andai ini ketentuanNya, Haikal terima dengan hati yang redha. Biarlah dia syahid di tali gantung. Cuma satu harapannya. Harapan yang lama tersimpan jauh di lubuk hatinya. Semoga Syurga Firdaus sudi menerimanya. Menjadi penghuni di syurga yang mengalir di bawahnya air sungai yang tidak pernah kenal erti tandus dan kering.

MERAWATI YANG BUKAN MAHRAM & MELIHAT AURATNYA

Disusun oleh: Ahmad Shuib Yahaya (intelekt@lycos.com)

ISLAM mengharuskan seseorang merawat yang bukan mahram dan melihat auratnya *pada ketika darurat*.

Nas berhubung dengan ini adalah riwayat dari Rubayyi' binti Muawwiz. Katanya: "Kami telah ikut berperang bersama Rasulullah dan bertugas melayani dan memberi minum tentera-tentera (yang luka) dan menghantarkan jenazah dan orang-orang luka ke Madinah". (Hadith riwayat Bukhari)

Dalam riwayat yang lain: "Ummu Salamah telah meminta izin kepada Rasulullah untuk berbekam, maka Rasulullah pun menyuruh Abu Thaibah untuk melakukan bekam itu". (Hadith riwayat Bukhari).

Berkata Al-Hafiz dalam kitab Al-Fatah: "Diperbolehkan mengubati yang berlainan jenis di waktu darurat. Dan hal-hal yang berhubung dengan melihat, memegang dengan tangan hendaklah dilakukan *sekadar perlu sahaja*". Kaedah Fiqhiyah menyatakan: "الضرورة تقدر بقدرها" (*Darurat diambil sekadar keperluannya sahaja*)

*ulasan penyusun: sebagai contoh: jika menyambut kelahiran, bayi keluar melalui faraj, tidak bolehlah dibuka aurat pesakit hingga sampai ke perut dan dadanya dan janganlah disentuh paha dan betisnya.

Walau bagaimanapun, para ulama' telah meletakkan beberapa syarat berhubung dengan keharusan doktor lelaki merawat pesakit wanita (dan begitulah sebaliknya):-

1. **Doktor berkenaan mestilah bertakwa, amanah, adil (menjauhi dosa besar & kecil), mempunyai ilmu dan kemahiran serta komited dalam tugasnya.**
2. **Tiada doktor wanita lain yang dapat mengambil alih tugas seseorang doktor lelaki itu samada kerana ilmunya atau pengkhususannya.**
3. **Pada masa proses rawatan atau pemeriksaan, mestilah hadir bersamanya mahramnya atau suaminya ataupun wanita lain yang dipercayai (etika perubatan mewajibkan sekurang-kurangnya seorang jururawat wanita).**
4. **Janganlah dirawat oleh seorang doktor lelaki kafir sedangkan masih kedapatan seorang doktor muslim.**

مجلس مجمع الفقه الاسلامي (sebuah badan di bawah OIC) pada 27 Jun di Bandar Seri Begawan telah mengeluarkan ketetapan no 85/12/د 8 di bawah tajuk: "Rawatan Perempuan Oleh Lelaki" yang lebih kurang isinya dengan syarat di atas dan antara lain juga menyebut:

Susunan doktor/jururawat dan sebagainya bagi merawat pesakit wanita muslimah (*yang lebih awal nombornya didahulukan*)

1. Dukturah Muslimah
2. Dukturah Kafirah
3. Doktor Muslim
4. Doktor Kafir

Ketetapan itu juga MENYERU umat Islam khususnya badan-badan yang berkaitan dengan Perubatan supaya berusaha dengan jihad yang sungguh-sungguh dalam **MENGGALAKKAN wanita-wanita supaya mendalami semua bidang kepakaran dalam perubatan moden khususnya dalam bidang Perbidanan & Sakit Puan (ONG)** hinggalah cukup untuk merawat pesakit-pesakit wanita.

Seseungguhnya kesemua ini tidak akan dapat dilaksanakan jika tidak wujud kesedaran Islam yang mendalam di kalangan umat masa kini.

Rujukan: الفقه الاسلامي وأدلته (Prof. Dr. Wahbah AzZuhaily)
الأخلاق والتلقيح الاصطناعي (Dr. Muhammad Ali Al-Bar)
 Hukum-hukum Kelonggaran Ketika Kecemasan Dalam Perubatan (Dr. Daniel Zainal Abidin)

Akhlaq dan suluk : **KESEDERHANAAN DALAM MENGINFAQ**
Disediakan oleh : Ustaz Fauwaz Fadzil Noor
Rujukan : Khutbah Dr Yusof Al Qardhawi

Kesederhanaan amat dituntut dalam setiap perkara yang dilakukan, apatah lagi didalam soal menginfaq ia amat dituntut. Islam telah memberi garis panduan kepada umatnya agar sederhana di dalam menginfaq. Harta pada Islam adalah satu nikmat yang wajib disyukuri dan ia merupakan satu amanah yang perlu dijaga dalam masa yang sama ia adalah satu unsur yang sangat penting dalam kehidupan yang perlu dipelihara. seperti yang dinyatakan dalam hadis rasulullah saw.

Maksudnya: Harta adalah adikandung bagi ruh.

Kata-kata ini melambangkan betapa pentingnya harta pada diri manusia namun persoalan yang menjadi perbincangan kita sekarang ialah bagaimana cara menginfaq itu dalam Islam?

Antara garis panduan yang dijelaskan adalah, harta itu perlulah diinfaqkan pada perkara-perkara yang dibenarkan oleh syarak tanpa ada sebarang pelampauan dan kebatilan, inilah yang dinamakan akhlak dan kesederhanaan di dalam Islam.

Hadis Rasulullah yang maksudnya : Tidak menjadi miskin orang yang bersederhana (menginfaq)

Ini kerana orang yang bersederhana didalam menginfaqkan hartanya akan menyimpan sebahagian daripada hartanya itu pada waktu mudanya untuk hari tuanya dan pada waktu senang untuk bekalan hari susahny nanti. Jarang sekali orang yang sederhana dalam menginfaq menjadi papa pada hari tuanya.

Islam menuntut supaa berbelanja atau menginfaq bahan ia adalah sifat orang yang bertaqwa. Tetapi mereka menginfaqkan harta mereka bukan semuanya. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Al-Baqarah ayat 3:

وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ

Maksudnya : *Daripada sebahagian yang kami berikan mereka menginfaqkan.*

Sebab itulah Allah hanya menuntut kepada hamba-hambaNya untuk membelanjakan atau menginfaqkan hartanya itu apabila terdapat padanya melebihi daripada keperluan mereka.

Nafkah ke atas diri sendiri dan keluarga juga adalah diutamakan dalam Islam sebelum harta itu dinafkahkan kepada orang lain. Segala nafkah yang kita keluarkan akan dibalas oleh Allah apabila niat itu tepat seperti disebutkan dalam Hadis Rasulullah yang maksudnya : Sesungguhnya tidaklah sesuatu yang kamu nafkahkan semata mencari redha Allah melainkan kamu diberi pahala.

Secara kesimpulannya, segala infaq yang kita lakukan pada jalan Allah tidak ada berlaku pembaziran walaupun banyak sebaliknya segala infaq yang kita keluarkan pada kemaksiatan adalah satu pembaziran walaupun sedikit. marilah kita mengikuti sifat-sifat hamba-hamba yang soleh di mana mereka apabila menginfaq tidak boros dan tidak kedekut. Itulah yang dinamakan kesederhanaan dalam menginfaq dan seterusnya dapat mengelakkan seseorang itu daripada mendapat celaka dan penyesalan.

Sama-samalah kita berdoa dengan doa yang diajarkan oleh Nabi kita Muhammad SAW:

Wahai Tuhanku, aku memohon daripadaMu ketakutan kepadaMu dalam sembunyi dan terang. Aku memohon daripadaMu kalimah Ikhlas dalam marah dan redha. Aku memohon daripadaMu kesederhanaan dalam miskin dan kaya.... Ameen

MUTIARA KATA IMAM SYAFIE

Barangsiapa yang menginginkan supaya dibuka cahaya hatinya, maka hendaklah dia dengan khalwah (menyendiri), kurangkan makan, tidak bergaul dengan orang bodoh dan menjauhi ahli ilmu yang tidak menginginkan dengan ilmunya kecuali dunia.

-petikan: نفائس الدرر والحكم (Sheikh Muhammad Nuruddin Marbu Al- Banjari Al-Makki)

RUMUSAN ADAB MULIA

oleh: Ahmad Shuib Yahaya

Imam Nawawi rahimahullah telah mengumpul 40 hadith yang dikenali sebagai hadith 40 nawawiyah. Dalam mukaddimah, beliau meriwayatkan sebuah hadith yang bermaksud: “Barangsiapa menghafaz/mengumpul untuk ummatku sejumlah 40 hadith, akan dibangkitkannya di hari akhirat sebagai seorang faqih dan alim”. Dan Imam Nawawi bukanlah alim pertama yang mengumpul 40 hadith ini, bahkan beliau telah mengikuti langkah sejumlah ulama’ sebelumnya. Diterangkan juga bahawa Imam Nawawi mengumpul sejumlah 40 hadith ini, merangkumi segenap aspek dalam agama, dan mengandungi kaedah-kaedah penting untuk kesempurnaan Islam⁽³⁾.

Penulis tertarik dengan satu penulisan oleh Sheikh Muhammad Afifi Al-Akiti ⁽¹⁾ yang bertajuk ‘The Sum of Good Adab’⁽²⁾. Beliau menyenaraikan 4 hadith (yang keempat-empatnya terkandung dalam kumpulan hadith 40 Imam Nawawi) yang menjadi asas panduan untuk memperoleh kesempurnaan adab dan mencapai puncak akhlak yang mulia.

Dengan penuh rendah diri dan serba kekurangan, penulis ingin menyampaikan 4 hadith berkenaan dengan ulasan peribadi penulis yang diadaptasi dari tulisan Sheikh Akiti dan kitab ‘Syarah Hadith 40 Nawawiyah’⁽³⁾.

Alim pertama yang telah mengajarkan kita mengenai 4 hadith “Jami’ Adabilkhair” ini adalah Al-Imam al-Jalil Abu Muhammad bin Abi Zayid, imam mazhab Maliki di Maghribi pada zamannya.

1. **من كان يؤمن بالله واليوم الآخر فليقل خيرا أو ليصمت** ⁽⁴⁾

“Barangsiapa beriman kepada Allah & hari akhirat, maka hendaklah dia bercakap yang baik ataupun diam”
Berkata Imam Syafie, maksud hadith ini adalah, barangsiapa yang ingin berkata-kata, hendaklah terlebih dahulu dia berfikir. Setelah dia yakin perkataannya tidak akan mendatangkan mudarat, maka diteruskan. Sebaliknya, jika diragui kata-katanya bakal mengundang masalah, maka akan ditinggalkan (perkataan itu).

Kurang bercakap sememangnya merupakan keindahan akhlak yang sepatutnya dimiliki oleh setiap muslim dan banyak bercakap atau kita labelkan becok tentu sekali menunjukkan kepada kita akan kependekan akal atau kurangnya sifat berhati-hati seseorang itu. Buzur Jamhir pernah berkata “Apabila sahaja kau temukan seorang lelaki yang banyak kata-katanya, maka yakinilah akan kegilaannya!”⁽⁵⁾.

Diriwayatkan ⁽³⁾ dari Nabi katanya: “Daripada tanda kefahaman seseorang itu, amat sedikit kalamnya pada perkara yang tiada kaitan dengannya” dan juga kata baginda: “Keselamatan itu pada 10 perkara ; 9 daripadanya pada diam kecuali pada mengingati Allah”

Keelokan adab dan kemuncak akhlak mulia dapat dicapai melalui kurang bercakap kerana mereka yang beramal dengan hadith ini, tentu sekali kurang melakukan dosa menghina, berbohong, mengumpat, fitnah, mengadu domba, juga tidak akan menyakiti hati manusia, tidak berkata-kata kecuali zikir dan perkara yang membawa kepada mengingati Allah, lalu lidahnya hanya bergerak untuk ibadah dan ketaatan.

2. **من حسن إسلام المرء تركه ما لا يعنيه** ⁽⁶⁾

“Daripada keelokan Islam (agama) seseorang itu adalah dia meninggalkan perkara yang tiada kaitan dengannya”

Kesinambungan daripada hadith pertama di atas, mari kita renungi firman Allah yang maksudnya: “Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan dipertanggung jawabkan”⁽⁷⁾. Sebenarnya perintah meninggalkan perkara-perkara yang tidak berkaitan ini telah dirakamkan sebelumnya dalam suhuf Nabi Allah Ibrahim.

Bersambung ke muka sebelah...

-
1. Sheikh Afifi al-Akiti merupakan Fellow kajian Falsafah & Teologi di Oxford Centre for Islamic Studies (dilahirkan di Malaysia dan sedang menyiapkan thesis PhD di Oxford). - (semoga ilmunya dimanfaatkan di dunia dan akhirat)
 2. Teks ditulis dalam bahasa Inggeris bertajuk: : The Sum Of Good Adab - anak_alam0.tripod.com/anakalam/id16.html
 3. شرح الأربعين النووية في الأحاديث الصحيحة النبوية للإمام يحيى بن شرف الدين النووي – دار العلوم
 4. Hadith ke 15 dalam susunan 40 Imam Nawawi (riwayat Bukahri & Muslim)
 5. شرح تعليم المتعلم – مكتبة الهلبي
 6. Hadith ke 12 dalam susunan 40 Imam Nawawi (Hadith hasan riwayat At-Tirmizi)
 7. Surah Al-Isra’ , ayat ke 36 (Tafsir Al-Quran bahasa Malaysia- Pustaka Antara Sdn. Bhd. KL)

Sambungan dari muka 10...

Hadith ini menyatakan bahawa agama Islam yang kita anuti ini tidak nampak elok (cantik) selagi kita tidak meninggalkan perkara-perkara remeh temeh apatah lagi perkara yang tiada langsung kaitan dengan kita. Termasuk dalam kategori ini dari segi perkataan, perlakuan dan pemikiran. Seseorang muslim yang beradab perlulah meninggalkan perkara yang tiada kaitan dengan dunianya, serta urusan akhiratnya. Cakap hanya perkataan yang baik serta yang berkaitan, buat perbuatan yang baik dan mendatangkan faedah sahaja, serta fikir perkara yang perlu dan halal sahaja (fantasi, khayalan dan 'membayangkan' perkara haram adalah termasuk perkara tiada kaitan yang dimaksudkan dalam hadith).

Penulis tertarik untuk menjadikan filem "Mami Jarum" (dan Mami Jarum Junior) sebagai contoh tingkah laku tidak beradab serta menampakkan akhlak yang buruk. Amalan mencari keaiban orang, memfitnah, mengumpat dan sebagainya jelas bukan sahaja membawa kerosakan akhlak, bahkan menimbulkan permusuhan dan pergaduhan. "Entamoeba histolytica" di seberang laut boleh dilihat, gajah di depan mata tak nampak". Benarlah kata Lukmanul Hakim: "Barangsiapa yang melihat aib diri sendiri, nescaya dia tidak sempat mencari aib orang lain"⁽⁸⁾. Begitulah sebaliknya, orang yang sibuk mencari aib orang, maka dia tidak akan nampak aib dirinya, apatah lagi mahu memperbetul diri. Kesimpulannya, 'jangan jaga tepi kain orang, tengok kain sendiri, takut-takut terkoyak!'

3. لا تغضب (9)

"Janganlah kamu marah"

Nabi telah berpesan sebegini kepada seorang lelaki yang meminta wasiat (nasihat) daripada baginda. Marah merupakan sifat semulajadi manusia yang tidak mungkin dapat dibuang. Tetapi yang mampu dilakukan dan yang dianjurkan oleh Nabi adalah supaya muslim, (untuk mencapai kemuncak akhlak mulia) adalah dengan mengawal dan tidak menurut nafsu marah tersebut. Sheikh Afifi menyebut muka manusia bagaikan cermin, yang menggambarkan apa yang terkandung di sebalik muka tersebut. Dirikan (3) dari Nabi: "Marah itu dari syaitan, syaitan dijadikan dari api". Sebab itu, ketika marah, muka menjadi merah (hasil cutaneous vasodilatation), menggambarkan apa yang terkandung atau sedang menguasai manusia iaitu syaitan yang berwarna api (merah).

Kawallah marah atau panas baran dalam diri, nescaya akan tersedih kegagahan kita kerana telah mampu menewaskan hawa dan syaitan yang membakar diri kita. Dirikan (3) bahawa Nabi berkata: "Sesungguhnya api dipadamkan oleh air. Maka apabila salah seorang dari kamu marah, maka hendaklah dia berwuduk".

4. لا يؤمن أحدكم حتى يحب لأخيه ما يحب لنفسه (10)

"Tidak beriman salah seorang daripada kamu sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya"

Persaudaraan pertama adalah persaudaraan umum iaitu sesama manusia, muslim mahupun kafir. Maka seseorang muslim hendaklah menyukai ke atas saudaranya yang kafir, seperti dia menyukai dirinya sendiri yang sudah beriman. Kerana itu, kata Imam Nawawi, mendoakan hidayah ke atas orang kafir adalah mustahab (hukumnya sunnah).

Kasih ataupun cinta yang dimaksudkan dalam hadith bukanlah cinta kemanusiaan yang kita selalu fahami, tetapi merupakan cinta keagamaan (الدينية). Ini adalah kerana, tabiat cinta manusia adalah cetek dan tidak mendorong ke arah mengkehendaki kebaikan untuk orang lain, sebaliknya sering kali cinta kemanusiaanlah yang membawa kepada sifat hasad yang amat dikeji oleh Islam. Sebaliknya, mahabbah yang dimaksudkan adalah cinta berdasarkan keagamaan yang menginginkan segala kebaikan dan manfaat untuk orang lain, sebagaimana diinginkan untuk dirinya sendiri.

Seseorang muslim yang mencapai kemuncak adab mulia, tidak akan melakukan, (malah tidak langsung menginginkan mahupun terlintas di fikirannya) apa-apa sahaja yang tidak ingin diperlakukan ke atas dirinya; malah dia sentiasa berusaha menghalang apa jua keburukan ke atas saudaranya serta mengusahakan kebaikan untuk mereka.

والله تعالى أعلى وأعلم

8. نفائس الدرر والحكم - Sheikh Muhammad Nuruddin Marbu Banjari Al-Makki

9. Hadith ke 16 dalam susunan 40 Imam Nawawi (Riwayat Bukhari)

10. Hadith ke 13 dalam susunan 40 Imam Nawawi (Riwayat Bukhari & Muslim)



Muhammad Nasri Abu Bakar

29 Mac 1980 Machang Kelantan

TASKI ABIM Jalan Wataniah

SRK Machang

Maahad Muhammadi (L)

17 Nov 1998 (tiba di Mesir) -17 Januari 2005 (tamat peperiksaan)

5 Feb 2005 (keputusan tahun akhir)

19 Mac (pulang ke Malaysia)

Anak bongsu dari 3 beradik

Bujang

SIAPAKAH "ABANG NASRI" ???

Sahabat & ahli bayt

Apabila saya mula-mula sampai ke sini, saya sudah melihat Abg Nasri ni sebagai seorang yang begitu cemerlang dalam pelajaran. Apabila lebih mengenalnya, saya mendapati beliau seorang yang pandai membahagi masa, antara untuk hobi-hobinya, untuk study, dan masa untuk beribadah. Namun, beliau bukanlah seorang yang 'stress' dalam study. Beliau juga seorang senior yang prihatin kepada kebajikan adik-adiknya, contohnya banyak, tak perlulah disebut. Kemudian, keputusan peperiksaannya menjadi semangat kepada saya dan adik-adik untuk lebih berusaha. Selain itu, beliau juga seorang yang pandai mengambil hati serta sangat menghormati orang tua, contohnya En. Marzuki dan Kak Misnah. Dalam rumah, beliau juga seorang 'operator' yang baik, ha ha ha (sambil tergelak).

Salman Amiruddin

Junior

Ketika mula mengenali Abg Nasri, rasa terkejut kerana sebelum ini kami mendengar Abg nasri ni seorang yang hebat; tetapi selepas kenal kali pertama, nampak seolah-olah dia sama seperti kita, dalam pergaulan, dia buat kita seperti sahabatnya, bukan seperti junior. Dia tidak mudah berkira, dan pandai bergaul membuatkan kita mudah mesra dengannya.

Tetapi kadangkala, kerana sifatnya yang baik dan mesra tu, ada adik-adik yang bawah terutamanya bersikap kurang adab terhadapnya. Itu yang kadang-kadang terkilan di hati saya. Sebagai nasihat umum untuk adik-adik, perlulah menjaga adab sopan walaupun abang-abang ni mesra dan baik; supaya kemesraan dapat diteruskan. Apa yang saya rasa adik-adik ni perlu ambil dari dia, adalah contoh seperti "itqan" dalam amalan, terutamanya study dan juga lain-lain.

Mohd Firdaus Adnan

Ahli bayt selama lebih 2 tahun

Ahli bayt ana dan senior kita ni adalah seorang yang bertanggungjawab terutama dalam hal-ehwal rumah. Urusan dalam rumah semua di atas bahunya. Namun dia tidak pernah merungut walaupun sahabat-sahabat serumah buat tak tahu akan hal rumah. Bagi ana, susah nak dapat seorang 'ketua rumah' yang bertanggungjawab macam beliau. Mungkin rumah kami akan rasa kehilangan selepas kepulangnya.

Ahmad Munir Hashim

Sahabat Karib (sahabat sama)

Ana kenal dia sejak hari pertama di Maahad tahun 1992. sepanjang perkenalan, dia ni seorang yang sangat-sangat banyak cakap. Ana kenal agak rapat dengan dia, daripada peralihan hingga tingkatan 5, memang kami sekelas dan duduk rapat. Kemudian kami bertemu kembali di Mesir. Beliau seorang yang sangat bagus dalam persahabatan, senang dibawa berbincang boleh berkongsi masalah, kesedihan. Kesenangan pun banyak juga.

**Ustaz Ahmad Fuad Amran
BA (Usuluddin) Azhar**